



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Rina Mohd Harun **menafikan** dakwaan Bantuan Bakul Makanan untuk golongan isi rumah B40 yang terjejas akibat PKP hanya diedarkan di kawasan Ahli Parlimen tertentu sahaja. Beliau **menjelaskan** pengagihan dibuat berdasarkan permohonan bukan hanya daripada Ahli Parlimen bahkan pelbagai pihak termasuk jawatankuasa masjid, ketua kampung dan badan bukan kerajaan (NGO). Bantuan Bakul Makanan tersebut diagihkan melalui permohonan daripada 108 pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara.
2. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) **menafikan** dakwaan pihaknya mengeluarkan statistik berkaitan pekerja asing tanpa izin. DOSM **menjelaskan** pihaknya hanya mengeluarkan data awalan Statistik Tenaga Buruh (STB) bagi tahun 2019 pada 11 April 2020 yang merangkumi statistik tenaga buruh warganegara dan bukan warganegara sahaja. Orang awam **disarankan** agar mendapatkan statistik rasmi melalui portal DOSM di [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) atau media sosial DOSM @StatsMalaysia.

**Pasukan Respons Pantas**  
**KKMM**  
**28 April 2020 | 10.00 Pagi**

